Let's Imagine the World Together: Art in Southeast Asia Exhibition Content

SN	English Text	Translation (2154 words)	Artwork Image
Intro Wall Text	*Let's Imagine the World Together: Art in Southeast Asia* How can art help us to make new meanings out of the world around us? We invite you to enter this space as active learners and participants—to look, listen, sense, move and reflect. *Let's Imagine the World Together: Art in Southeast Asia* weaves together works of art from Southeast Asia that express the personal imagination and lived experience of various artists, encouraging you to engage with them to form your own stories. We hope you will find fresh and creative ways to connect the art on display with your memories and reflections, your community and your world.	*Mari Bayangkan Dunia Bersama: Seni di Asia Tenggara* Bagaimanakah seni dapat membantu kita memberikan makna baharu kepada dunia di sekeliling kita? Kami mempelawa anda ke ruang ini untuk belajar dan turut serta secara aktif—dengan melihat, mendengar, merasai, bergerak dan merenung. Pameran *Mari Bayangkan Dunia Bersama: Seni di Asia Tenggara* menggabungjalinkan karya-karya seni dari Asia Tenggara yang mengungkapkan imaginasi peribadi dan pengalaman hidup pelbagai seniman, sekali gus menggalakkan anda berinteraksi dengan kelompok karya ini untuk mencipta kisah anda sendiri. Kami berharap anda akan menemui pelbagai cara segar dan kreatif untuk mengaitkan karya seni yang dipamerkan dengan kenangan dan renungan anda, komuniti anda serta dunia anda.	
Section: People	Images of people give us a glimpse into individual lives, personalities and identities. Some are portraits—artworks which represent a particular person. Some portraits capture physical appearance through likeness, while others use imaginative,	Imej manusia memberi kita gambaran sepintas lalu tentang kehidupan, keperibadian dan identiti individu. Sebahagian daripadanya ialah potret, iaitu karya seni yang menggambarkan individu tertentu. Sesetengah potret merakam rupa fizikal subjeknya melalui paparan	

	symbolic or expressive forms. In Southeast Asia, portraits have been created for different purposes. They could be made for powerful or important people who wish to show their authority, or they could be the artists' personal expressions of self, reflecting their inner feelings or private moments. If you can't tell who the person in the artwork is, is it still a portrait or simply a representation of a human face? If you were to create a self-portrait, how would you choose to represent yourself? Why?	mirip, manakala yang lain menggunakan gaya imaginatif, simbolik atau ekspresif. Di Asia Tenggara, potret dihasilkan untuk pelbagai tujuan. Ada yang dicipta untuk golongan berkuasa atau tokoh penting yang ingin memperlihatkan kewibawaan mereka, manakala yang lain merupakan ekspresi diri para seniman sendiri yang mencerminkan perasaan dalaman atau detik-detik peribadi mereka. Jika anda tidak dapat mengenal pasti individu dalam karya seni, adakah karya tersebut masih sebuah potret atau sekadar gambaran wajah manusia? Bayangkan anda ingin menghasilkan potret diri, bagaimanakah anda ingin menggambarkan diri anda? Mengapa?	
1	Raden Saleh (b. 1811, Indonesia; d. 1880, Indonesia) *Portrait of Betsy Teengs* 1855 Oil on canvas Collection of National Gallery Singapore	Raden Saleh (l. 1811, Indonesia; m. 1880, Indonesia) *Potret Betsy Teengs* 1855 Cat minyak pada kanvas Koleksi Galeri Nasional Singapura	


	This painting is a portrait of Betsy Teengs, aged eight. She was from a Peranakan family of mixed Dutch, Indonesian and Chinese descent. The Teengs family lived in Batavia in what was then the Dutch East Indies, now Jakarta, Indonesia. During the Dutch colonial period, many peoples of different ethnicities lived side by side in Batavia. Betsy herself reflects this history. In her portrait, Betsy Teengs is posed quite formally, in a three-quarter view. The artist, Raden Saleh, draws our attention to the highly elaborate lace and gold bracelet she wears. These clues suggest that she comes from a privileged background. **Let's Imagine** Look closely: What are some details in the portrait that capture your attention? If you were posing for a portrait, what would you include to represent yourself?	Lukisan ini ialah potret Betsy Teengs ketika berusia lapan tahun. Beliau berasal daripada keluarga Peranakan yang berketurunan campuran Belanda, Indonesia dan Cina. Keluarga Teengs menetap di Batavia, yang ketika itu di bawah pemerintahan Hindia Belanda dan kini dikenali sebagai Jakarta, Indonesia. Pada zaman penjajahan Belanda, masyarakat dari pelbagai latar belakang etnik hidup berdampingan di Batavia. Betsy sendiri mencerminkan keharmonian sejarah ini. Potret ini menggambarkan Betsy Teengs dalam pandangan tiga suku, dengan postur yang agak formal. Pelukisnya, Raden Saleh, menumpukan perhatian kita kepada renda halus yang sangat rumit dan gelang emas yang dipakai oleh Betsy. Perincian ini mencadangkan bahawa beliau berasal daripada golongan berada. **Mari Kita Bayangkan** Perhatikan dengan teliti: Apakah butiran dalam potret ini yang paling menarik perhatian anda? Bayangkan anda menjadi subjek sebuah potret, apakah unsur yang akan anda sertakan untuk menggambarkan diri sendiri?	


2	Sompot Upa-in (b. 1934, Thailand; d. 2014, Thailand) *Mother* 1961 Bronze Collection of National Gallery Singapore This sculpture shows the close relationship between a mother and child. Instead of adopting a realistic style, the artwork features smooth, rounded shapes and simplified forms that create a sense of harmony and unity. Using this approach, the artist transforms a familiar subject into a simple, stylised expression of art. Sompot Upa-in, a Thai artist, created this sculpture when Thailand's art world sought to define a modern national art to match its new national identity. **Let's Imagine**	Sompot Upa-in (l. 1934, Thailand; m. 2014, Thailand) *Ibu* 1961 Gangsa Koleksi Galeri Nasional Singapura Arca ini menggambarkan ikatan erat antara seorang ibu dengan anaknya. Karya ini tidak menggunakan gaya realistik, sebaliknya menampilkan bentuk yang licin dan bulat serta rupa bentuk yang diringkaskan. Unsur-unsur ini mewujudkan rasa harmoni dan kesatuan. Menerusi pendekatan ini, seniman mengubah subjek biasa menjadi ekspresi seni yang ringkas dengan gaya diolah. Arca ini dihasilkan oleh seniman Thailand bernama Sompot Upa-in, ketika dunia seni Thailand giat berusaha mentakrifkan identiti kebangsaan moden yang baharu.	

	Observe the sculpture. Do you think it would feel hot, cold, smooth or rough? Why do you say so?	**Mari Kita Bayangkan** Perhatikan arca ini. Pada pandangan anda, adakah permukaannya terasa panas, sejuk, licin atau kasar? Mengapakah anda berkata demikian?	
3	Galo B. Ocampo (b. 1913, Philippines; d. 1985, United States) *Moro Dance* 1946 Oil on canvas Collection of National Gallery Singapore This painting shows a dancer in a strong and graceful pose, surrounded by vibrant, swirling patterns. Ocampo was a Filipino artist who explored new ways to tell local stories through art, in this case, drawing from the dance traditions of Muslim communities in the South Philippines. Instead of painting the dancer realistically, he exaggerates the lines of her body and uses patterns of flat shapes.	Galo B. Ocampo (l. 1913, Filipina; m. 1985, Amerika Syarikat) *Tarian Moro* 1946 Cat minyak pada kanvas Koleksi Galeri Nasional Singapura Lukisan ini memaparkan seorang penari dalam postur yang tegap dan anggun, dikelilingi corak berpusar yang ceria. Ocampo ialah seniman Filipina yang meneroka pendekatan baharu untuk menceritakan kisah tempatan menerusi seni. Dalam karya ini, beliau mengambil ilham daripada tradisi tarian masyarakat Islam di selatan Filipina. Beliau tidak melukis penari tersebut secara realistik; sebaliknya beliau menonjolkan garisan tubuh penari serta menggunakan corak yang berlandaskan bentuk rata. Olahan ini	

	This makes the painting feel full of rhythm and energy. **Let's Imagine** Look at the dancer's hands, arms and pose. What do they tell you? What gesture would you use to show something about yourself?	menjadikan lukisan berkenaan amat bertenaga dan kaya dengan irama. **Mari Kita Bayangkan** Perhatikan posisi tangan, lengan dan postur penari ini. Apakah yang cuba disampaikannya kepada anda? Apakah gestur atau gerak isyarat yang akan anda gunakan untuk mencerminkan peribadi anda?	
4	Fua Haribhitak (b. 1910, Thailand; d. 1993, Thailand) *Face* c. 1956 Oil on canvas Collection of National Gallery Singapore Fua Haribhitak reduces a human face to eyes, nose and lips, using simple shapes in vibrant colours. *Face* was likely created when the artist was studying art in Italy from 1954 to 1956. While he was there, Fua was introduced to Cubism, a way of representing different moments in time within a single painting, often featuring fragmented forms similar to *Face*. Fua belonged to a generation of Thai	Fua Haribhitak (l. 1910, Thailand; m. 1993, Thailand) *Wajah* c. 1956 Cat minyak pada kanvas Koleksi Galeri Nasional Singapura Fua Haribhitak mengehadkan wajah manusia kepada mata, hidung dan bibir, menggunakan bentuk ringkas yang berwarna cerah. Lukisan *Wajah* ini kemungkinan dihasilkan sewaktu beliau mendalami bidang seni di Itali dari tahun 1954 hingga 1956. Ketika berada di sana, Fua terdedah kepada aliran kubisme, iaitu satu cara menggambarkan detik masa yang berbeza dalam satu lukisan. Kubisme sering menampilkan rupa	

	artists who were inspired by their country's rise in modernity during the mid-20th century, which encouraged them to seek out new ways of representing reality. **Let's Imagine** In this painting, Fua used a combination of geometric and organic shapes to create a face. If you can add facial features to the work, what would they be?	bentuk yang berpecah seperti yang terlihat dalam *Wajah*. Fua tergolong dalam generasi seniman Thailand yang terinspirasi oleh arus kemodenan negara mereka pada pertengahan abad ke-20. Kebangkitan ini mendorong mereka meneroka cara baharu untuk menggambarkan realiti. **Mari Kita Bayangkan** Menerusi karya ini, Fua menggunakan gabungan bentuk geometri dan organik untuk mencipta wajah. Jika anda berpeluang menambah sebarang ciri wajah pada karya ini, apakah unsur yang akan dipilih?	
Section: Stories	Many artworks have a story behind them, whether these come from the historical and social contexts of the artworks, or the artists' everyday experience. Artists tell stories through the subjects they choose, as well as through their use of form, colour and composition. In Southeast Asia, artists have made works relating to major events, such as times of war or crisis, conveying a sense of tension, resistance or even hope. Artists also express a sense of belonging through stories of their communities and cultures.	Banyak karya seni mempunyai kisah di sebaliknya, sama ada kisah itu lahir daripada konteks sejarah dan sosial karya tersebut, ataupun daripada pengalaman seharian seniman. Para seniman bercerita melalui subjek yang mereka pilih, di samping penggunaan bentuk, warna dan komposisi. Di Asia Tenggara, seniman telah menghasilkan karya yang berkaitan dengan peristiwa besar, seperti zaman perang atau krisis. Karya tersebut menyampaikan rasa ketegangan, penentangan malah harapan. Seniman juga mengungkapkan rasa kekitaan melalui kisah komuniti dan budaya mereka.	

	As you wander through the exhibition, what historical events or personal stories come to mind? How do the artworks invite your emotions?	Semasa anda menyusuri ruang pameran ini, apakah peristiwa sejarah atau kisah peribadi yang terlintas di fikiran? Bagaimanakah karya-karya seni ini membangkitkan emosi anda?	
5	Juan Luna y Novicio (b. 1857, Philippines; d. 1899, Hong Kong) *España y Filipinas* (Spain and the Philippines) 1884 Oil on canvas Collection of National Gallery Singapore In this painting, two women climb a staircase together towards a golden sunrise. The women depicted are not real people but symbols: one representing Spain, the other the Philippines. Painted in 1884, the painting was intended to portray the colonial relationship of the time: Spain guides the Philippines towards a bright future of progress and glory. Many people in the Philippines did not agree with this idea and struggled for Philippine independence from Spain. Even the painter Juan Luna, who made several different	Juan Luna y Novicio (l. 1857, Filipina; m. 1899, Hong Kong) *España y Filipinas* (Sepanyol dan Filipina) 1884 Cat minyak pada kanvas Koleksi Galeri Nasional Singapura Dalam lukisan ini, dua orang wanita menaiki tangga bersama-sama menuju ke arah matahari terbit dengan sinar keemasan. Kedua-dua wanita yang digambarkan bukan orang sebenar, tetapi simbol: seorang melambangkan Sepanyol, manakala seorang lagi melambangkan Filipina. Lukisan yang dihasilkan pada tahun 1884 ini bertujuan menggambarkan hubungan kolonial pada era berkenaan: Sepanyol membimbing Filipina menuju masa depan yang cerah, disinari kemajuan dan kegemilangan. Ramai dalam kalangan rakyat Filipina menentang idea ini dan berjuang demi	

	versions of this composition, likely disagreed with the painting's point of view. **Let's Imagine** Name one thing that gives you hope for the future. What do progress and glory mean to you?	kemerdekaan Filipina daripada Sepanyol. Malahan pelukis sendiri, Juan Luna, yang menghasilkan beberapa versi berbeza bagi komposisi ini, kemungkinan tidak bersetuju dengan sudut pandang lukisan ini. **Mari Kita Bayangkan** Sebutkan satu perkara yang memberikan anda harapan untuk masa depan. Apakah makna kemajuan dan kegemilangan bagi anda?	
6	Syed Ahmad Jamal (b. 1929, Malaysia; d. 2011, Malaysia) *Joget* 1957 Oil on board Collection of National Gallery Singapore This vibrant painting depicts couples dancing the Joget, a folk dance popular in Indonesia, Malaysia and Singapore. The artist captures key elements of the Joget here, such as the rhythmic movements of the dancers' arms and hands, and the small bend at	Syed Ahmad Jamal (l. 1929, Malaysia; m. 2011, Malaysia) *Joget* 1957 Cat minyak pada papan Koleksi Galeri Nasional Singapura Lukisan yang penuh bertenaga ini memaparkan beberapa pasangan yang sedang menari joget, sejenis tarian rakyat yang popular di Indonesia, Malaysia dan Singapura. Menerusi karya ini, seniman merakam keindahan rupa gerak joget, daripada hayunan	

	their knees. Both the movements of the Joget dance and the dancers' *batik sarongs* (traditional wrapped skirts) with colourful patterns, reflect local culture and shared traditions. A leading modern painter in Malaysia, Syed Ahmad Jamal was among a group of artists who wanted to express the culture of the nation through art. **Let's Imagine** Imagine you are at this celebration. What music do you hear? How are the dancers feeling? What stories do we remember through dance, music and celebrations?	berirama lengan dan tangan para penari, hinggalah lenturan lembut pada lutut mereka. Gerak tari joget serta sarung batik (kain lilit tradisional) bercorak warna-warni yang dipakai oleh para penari mencerminkan budaya tempatan dan tradisi bersama. Syed Ahmad Jamal merupakan seorang pelukis moden terkemuka di Malaysia. Beliau tergolong dalam generasi seniman yang berhasrat menonjolkan identiti kebangsaan menerusi seni. **Mari Kita Bayangkan** Bayangkan anda berada di tengah-tengah keramaian ini. Apakah alunan muzik yang kedengaran? Bagaimanakah perasaan dan emosi para penari? Apakah kisah yang kita kenang melalui tarian, muzik dan perayaan?	
7	U Kin Maung (Bank) (b. 1910, Myanmar; d. 1983, Myanmar) *Burmese Musicians* c. 1964 Oil on canvas Collection of National Gallery Singapore	U Kin Maung (Bank) (l. 1910, Myanmar; m. 1983, Myanmar) *Pemuzik Burma* c. 1964 Cat minyak pada kanvas Koleksi Galeri Nasional Singapura	

	This acquisition was made possible with donations to the Art Adoption & Acquisition Programme. This painting captures Burmese musicians playing their instruments. The artist uses repeated and overlapping shapes to create a sense of motion, suggesting the lively movement and rhythm. A leading modern artist in Burma (present-day Myanmar), U Kin Maung also wrote and lectured. He encouraged creativity and self-expression, inspiring many younger artists. **Let's Imagine** Imagine you are part of this musical group. What instrument would you play? What would you add to the painting to express your own creativity?	Pemerolehan ini dijayakan menerusi sumbangan kepada Program Pengangkatan & Perolehan Seni. Lukisan ini merakam aksi para pemuzik Burma yang sedang memainkan alat muzik. Seniman menggunakan olahan bentuk yang berulang dan bertindih untuk mewujudkan kesan pergerakan, sekali gus membayangkan gerak tari dan irama yang rancak. U Kin Maung, tokoh seni moden terkemuka di Burma (kini Myanmar), turut aktif menulis dan mengajar. Beliau sentiasa menggalakkan kreativiti serta ekspresi diri, sekali gus memberikan inspirasi kepada ramai seniman muda. **Mari Kita Bayangkan** Bayangkan anda sebahagian daripada kumpulan muzik ini. Apakah alat muzik yang akan anda mainkan? Apakah yang akan anda tambahkan kepada lukisan ini untuk mencerminkan kreativiti anda sendiri?	

8	Sulaiman Esa (b. 1941, Malaysia) *The Mystical Reality Reinvented: Hua* 2016 Painted rattan cage and artificial rose Collection of National Gallery Singapore At first glance, this artwork appears as a simple cage with a rose. Sulaiman Esa invites us to slow down and look again. Here, the empty cage and single rose bring a small, quiet presence to the work. Together, these familiar objects become more than things we recognise. They invite us to wonder about what is seen, what is missing and what stories an object can hold. This work is a reflection on a 1974 landmark exhibition in Malaysia called *Towards a Mystical Reality*, in which Sulaiman Esa participated. The artworks in *Towards a Mystical Reality* were examples of conceptual art—meaning art where the concept or idea behind the work is considered more important than its style or	Sulaiman Esa (l. 1941, Malaysia) *Realiti Mistik Berwajah Baharu: Hua* 2016 Sangkar rotan bercat dan bunga ros tiruan Koleksi Galeri Nasional Singapura Sepintas lalu, karya seni ini kelihatan seperti sebuah sangkar biasa dengan sekuntum bunga ros. Sulaiman Esa mengajak kita memperlahankan langkah untuk mengamatinya sekali lagi. Sangkar kosong dan sekuntum bunga ros itu hadir secara bersahaja dan tenang dalam karya ini. Apabila digandingkan, objek biasa ini melampaui bentuk fizikalnya. Kedua-duanya mengajak kita merenungi apa yang dilihat, apa yang tiada serta kisah yang mungkin pada sebuah objek. Karya ini merupakan sebuah renungan terhadap *Ke Arah Realiti Mistik*, pameran bersejarah yang diadakan di Malaysia pada tahun 1974 dan turut disertai oleh Sulaiman Esa. Karya seni dalam *Ke Arah Realiti Mistik* merupakan contoh seni konseptual, iaitu seni yang konsep atau idea di sebalik karyanya dianggap lebih penting daripada gaya atau tekniknya. Dalam pameran	

	technique. In the original exhibition, Esa had also shown a birdcage. **Let's Imagine** Look from a distance, then move closer. What details do you notice? What story might the cage and rose tell?	asal itu, Sulaiman Esa juga telah mempamerkan sebuah sangkar burung. **Mari Kita Bayangkan** Perhatikan dari jauh, kemudian hampiri karya ini. Apakah butiran yang menarik perhatian anda? Apakah naratif yang mungkin cuba disampaikan oleh sangkar dan bunga ros ini?	
Section: Places	Artists are inspired by places around them, from the natural environment to the ever-changing landscapes of the city. Through depictions of rice paddy fields, village scenes or concrete buildings, artists can communicate ideas about the nation and society, as well as our relationship with nature. The places depicted in art can be real, idealised or imagined. Looking through the artists' eyes, we are invited to reflect on the places around us in a new way. How does the beauty of nature make us feel? How have human activities shaped and changed the environment around us?	Seniman mendapat inspirasi daripada tempat di sekeliling mereka, daripada persekitaran semula jadi hingga landskap bandar yang sentiasa berubah. Menerusi gambaran sawah padi, pemandangan kampung atau bangunan konkrit, seniman dapat menyampaikan idea tentang negara dan masyarakat, serta hubungan kita dengan alam semula jadi. Tempat yang digambarkan dalam seni mungkin berbentuk nyata, paparan unggul *(ideal)* atau rekaan semata. Menerusi kaca mata para seniman, kita diajak untuk merenung tempat di sekeliling dengan cara yang baharu. Apakah perasaan kita apabila menyaksikan keindahan alam semula jadi? Bagaimanakah kegiatan manusia telah membentuk dan mengubah persekitaran di sekeliling kita?	

9	Abdullah Suriosubroto (b. 1878, Indonesia; d. 1941, Indonesia) *An Indonesian Village at Sunset* Undated Oil on canvas Collection of National Gallery Singapore Pictured here are two straw huts in a paddy field, with the sun glowing as it sinks behind the hills. The scene is hauntingly beautiful, basking in warm tropical light. Abdullah Suriosubroto was a pioneering Indonesian painter known for his Mooi Indië (Beautiful Indies) works, a style that presented romantic and ideal visions of the land of Indonesia. This type of painting was popular in both Indonesia and the broader Southeast Asian region. Abdullah Suriosubroto's son, the artist Basoeki Abdullah, also became a celebrated painter of such landscapes. Can you spot another Mooi Indië landscape within the Places section?	Abdullah Suriosubroto (l. 1878, Indonesia; m. 1941, Indonesia) *Kampung di Indonesia di Waktu Senja* Tidak bertarikh Cat minyak pada kanvas Koleksi Galeri Nasional Singapura Karya ini menampilkan dua buah pondok jerami di tengah sawah padi, berlatarkan sinar cahaya matahari yang membenam di sebalik bukit-bukau. Pemandangan ini mempesona, bermandikan kehangatan cahaya tropika. Abdullah Suriosubroto ialah seorang pelukis perintis Indonesia yang terkenal dengan gaya Mooi Indië (Hindia Molek) iaitu aliran yang menampilkan gambaran romantis dan tersusun ideal tentang bumi Indonesia. Gaya lukisan ini popular di Indonesia dan seluruh rantau Asia Tenggara. Anak lelaki beliau, iaitu seniman Basoeki Abdullah, turut menjadi tokoh pelukis tersohor yang menghasilkan landskap seumpama ini. Bolehkah anda melihat sebuah lagi landskap Mooi Indië di bahagian Tempat?	

	Let's Imagine What details do you think the artist chose to emphasise or leave out? How might this painting be different from what rural life was like at the time?	**Mari Kita Bayangkan** Pada pandangan anda, apakah butiran yang dipilih oleh seniman untuk ditonjolkan atau diketepikan? Apakah perbezaan yang mungkin wujud antara lukisan ini dengan realiti kehidupan luar bandar pada era tersebut?	
10	Liu Kang (b. 1911, China; d. 2004, Singapore) *Life by the River* 1975 Oil on canvas Gift of the artist Collection of National Gallery Singapore *Life by the River* shows a *kampong* scene in Singapore near Pasir Panjang in the 1970s. You can see wooden boats, *kampong* huts and a walkway linking the huts together. Near the centre of the painting, there are people feeding their domestic animals—ducks—and local villagers going about their daily activities. In this painting, he used vibrant colours to bring energy	Liu Kang (l. 1911, China; m. 2004, Singapura) *Kehidupan di Tepi Sungai* 1975 Cat minyak pada kanvas Hadiah ihsan seniman Koleksi Galeri Nasional Singapura Lukisan *Kehidupan di Tepi Sungai* memaparkan suasana kampung berhampiran Pasir Panjang di Singapura pada era 1970-an. Di sini, anda dapat melihat perahu kayu, pondok-pondok kampung dan titian yang saling menghubungkan pondok tersebut. Di bahagian tengah lukisan, kelihatan penduduk sedang memberi makan kepada itik ternakan, manakala penduduk yang lain pula menjalani kegiatan harian	

	and warmth to the scene, making it lively, filled with stories from Singapore's past before our country became an urban landscape. One of Singapore's best-known painters, Liu Kang strove to express the everyday forms and colours of the region in his art. He and his circle of friends became known as the "Nanyang"—after the Chinese-language term for Southeast Asia—artists, for portraying local subjects through a unique blend of artistic influences. **Let's Imagine** How do you think the river plays a part in the lives of the people in the painting? Compare your answer with your friends.	mereka. Dengan menggunakan warna-warna cerah yang memancarkan tenaga dan kehangatan, seniman menggambarkan pemandangan yang meriah dan sarat dengan kisah-kisah masa lalu Singapura sebelum negara kita berubah menjadi landskap bandar. Liu Kang merupakan antara tokoh pelukis paling terkemuka di Singapura. Menerusi karya-karya seninya, beliau berusaha menonjolkan keindahan dan rona kehidupan seharian di rantau ini. Liu Kang dan lingkungan rakan seangkatan mula dikenali sebagai seniman "Nanyang"—nama yang diambil daripada istilah bahasa Cina untuk merujuk kepada Asia Tenggara—kerana menggambarkan subjek tempatan melalui gabungan pengaruh seni yang unik. **Mari Kita Bayangkan** Pada pandangan anda, bagaimanakah sungai memainkan peranan dalam kehidupan masyarakat yang digambarkan dalam lukisan ini? Bandingkan jawapan anda dengan rakan-rakan anda.	
11	Chia Yu Chian (b. 1936, Malaysia; d. 1991, Malaysia) [Not titled] (*Village Scene*) 1959	Chia Yu Chian (l. 1936, Malaysia; m. 1991, Malaysia) [Tidak bertajuk] (*Pemandangan Kampung*) 1959	

	Oil on masonite Collection of National Gallery Singapore This work has been adopted by Emma and Joseph Cherian. Chia Yu Chian's painting shows the everyday life of roadside hawkers in the past. You can also see villagers gathering around them, with stilt houses in the backdrop. The artist uses simple shapes and structured forms to create a lively street scene. The painting offers a glimpse into a time when people gathered, worked and interacted closely within their community. Although the scene is busy and full of activity, his use of muted colours creates a feeling of warmth, harmony and familiarity. **Let's Imagine** What kinds of sounds might you hear in this busy street scene? What smells do you think would fill the air as the hawkers prepare and sell their food?	Cat minyak pada masonit Koleksi Galeri Nasional Singapura Karya ini telah dijadikan karya angkat oleh Emma dan Joseph Cherian. Lukisan Chia Yu Chian ini memaparkan kehidupan seharian para penjaja tepi jalan pada masa lalu. Di sini, anda dapat melihat penduduk kampung berkumpul di sekeliling penjaja, berlatarkan kediaman rumah bertiang. Seniman menggabungkan bentuk ringkas dan susunan komposisi yang teratur untuk menghidupkan suasana jalanan yang meriah. Lukisan ini memberikan gambaran sepintas lalu tentang zaman ketika orang ramai berkumpul, bekerja dan berinteraksi dengan rapat dalam kalangan komuniti mereka. Meskipun pemandangan ini sibuk dan riuh-rendah, warna-warna lembut yang digunakan mewujudkan suasana ramah, harmoni dan akrab. **Mari Kita Bayangkan** Apakah bunyi-bunyian yang mungkin anda dengar di suasana jalanan yang sibuk ini? Pada pandangan anda, apakah bau yang memenuhi udara ketika para penjaja menyediakan dan menjual makanan mereka?	

12	Nhek Dim (b. 1934, Cambodia; d. 1978, Cambodia) *Village Scene* 1960 Oil on canvas Collection of National Gallery Singapore In *Village Scene*, Nhek Dim shows a village where people, animals and nature live close together. Everyone seems busy in their own way. Some people are making things, preparing food or caring for children, while a buffalo helps to carry rice. The trees and warm colours make the village feel full and alive. Nhek Dim was one of Cambodia's best-known painters in the 1960s. Through this painting, he helps us notice the beauty of everyday life in a shared space. **Let's Imagine**	Nhek Dim (l. 1934, Kemboja; m. 1978, Kemboja) *Suasana Kampung* 1960 Cat minyak pada kanvas Koleksi Galeri Nasional Singapura Di *Suasana Kampung*, Nhek Dim memaparkan sebuah perkampungan di mana manusia, haiwan dan alam semula jadi hidup berdampingan. Setiap orang kelihatan sibuk dengan urusan masing-masing. Ada yang sedang membikin objek, menyediakan makanan atau mengasuh anak-anak, manakala seekor kerbau membantu mengangkut hasil padi. Kehijauan pepohonan dan warna-warna hangat menjadikan suasana kampung ini terasa sarat dan hidup. Nhek Dim merupakan antara pelukis paling terkemuka di Kemboja pada era 1960-an. Dengan lukisan ini, beliau	

	Choose one spot in the painting. What sounds, smells or movements might you notice?	mengajak kita menghayati keindahan kehidupan seharian dalam ruang yang dikongsi bersama. **Mari Kita Bayangkan** Pilih satu sudut dalam lukisan ini. Apakah bunyi, bau atau pergerakan yang mungkin menarik perhatian anda?	